

# Iktiraf Lembah Lenggong

Penduduk mahu Kerajaan Pusat, Perak ambil daya usaha peroleh status Tapak Warisan Dunia daripada Unesco

>>Oleh D J Dolasoh  
am@hmetro.com.my

**L**ENGGONG: Penduduk daerah Hulu Perak khususnya di Lenggong masih tertanya-tanya mengenai status pengumuman Ketua Pesuruhjaya Warisan Malaysia, Prof Datuk Zuraina Abdul Majid pada Januari lalu untuk mengemukakan kepada Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) bagi menjadikan Lenggong calon Tapak Warisan Dunia.

Sehubungan itu, penduduk berharap Kementerian Penerangan, Komunikasi, Kesenian dan Kebudayaan serta kerajaan negeri campur tangan berikutan Lembah Lenggong bukan saja relevan dengan bukti penemuan artifak purba sebagai tempat manusia terawal menetap di kawasan Asia, malah ia juga memberi banyak manfaat kepada penduduk tempatan.

Penemuan artifak purba di kawasan arkeologi terpenting di Lembah Lenggong antaranya Bukit Bunuh sebagai tapak penempatan Zaman Paleolitik terbesar di Asia Tenggara sejak 200,000 tahun lalu menjadi bukti kukuh.

Lembah Lenggong juga didiami penduduk zaman berikutnya iaitu Zaman Neolitik



**BERNILAI...batu kuarzit berusia 350 juta tahun.**

(7,000 tahun) dan Zaman Logam (4,000 tahun).

Ketiga-tiga zaman itu mendominasi kawasan di enam penempatan strategik di Lenggong iaitu Bukit Jawa, Temelong dan Lawin pada 200,000 tahun dulu di samping Kota Tampan (74,000 tahun), Bukit Bunuh (40,000 tahun) serta sekitar gua purba di Kampung Gelok (antara 3,000 hingga 11,000 tahun).

Penemuan paling mengemparkan adalah rangka manusia di Gua Gunung Runtuh, Kampung Gelok iaitu Perak Man pada 1991 berusia sekitar 11,000 tahun

manakala pada 2004 pula ditemui rangka Perak Woman di Gua Teluk Kelawar berusia 8,000 tahun.

Sementara itu, batu kuarzit yang ditemui di Bukit Jawa, Gelok adalah yang tertua ditemui iaitu berusia 350 juta tahun.

Itu adalah batuan metamorf terbentuk daripada batu pasir bersifat keras yang menjadi pilihan masyarakat purba menggunakan kelikirnya dalam penggunaan alat batu mereka.

Ketua Kampung Lenggong, Mohd Razli Ahmad, berkata bukti berkenaan menjadi alasan kukuh untuk pihak ber-

kenaan tidak melengahkan usaha mengisytiharkan Lenggong sebagai Tapak Warisan Dunia.

"Penduduk Lenggong tertanti-tanti kelulusan dan pengisytiharan Unesco itu kerana ia bukan saja akan dikenali di seluruh dunia tetapi juga menggamit ribuan pelancong asing dan domestik ke Lenggong setiap tahun.

"Kami penduduk asal Lenggong mengharapkan kerjasama kementerian berkaitan dan kerajaan Perak supaya turut membantu dalam merealisasikan impian melihat Lenggong sebagai



**JUMPA...penyelidik arkeologi menemui artifak Zaman Paleolitik di Bukit Jawa, Lenggong berusia 200,000 tahun lalu.**

Tapak Warisan Dunia," katanya.

Menurutnya, jika Melaka dan Georgetown dipilih UNESCO sebagai Tapak Warisan Dunia bagi kategori Kebudayaan pada Julai 2008 manakala Taman Negara Kinabalu (Sabah) dan Taman Negara Mulu (Sarawak) diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia kategori Tapak Semula Jadi pada 2000, Lembah Lenggong juga patut diberi pengiktirafan sama berdasarkan sejarah purba.

Penduduk, Wan Rashdi Wan Ahmad, 63, berkata Lembah Lenggong yang terletak kira-kira 100 kilometer

dari Ipoh memiliki 20 gua purba termasuk Gua Teluk Kelawar di Bukit Kepala Gajah yang wujud sejak 400 juta tahun lalu.

"Saya kecewa kerana sebahagian daripada 20 gua dan tapak arkeologi itu dimusnahkan pihak tidak bertanggungjawab yang menggantinya untuk mencuri khazanah.

"Justeru, saya meminta pihak berkenaan mengambil tindakan segera menjadikan Lenggong sebagai Tapak Warisan Dunia daripada membiarkan ia terus terbiar dan dirosakkan pihak tidak bertanggungjawab," katanya.